



Sasar jual 1,400 unit INOKOM Truck tahun ini

Hyundai-Sime Darby Motors Sdn Bhd menyasar untuk meningkatkan lagi penguasaan pasarannya kepada 20 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Sasaran itu didorong peningkatan pengeluaran model sedia ada dan pengenalan model trak baru.

Ketua Operasi Kenderaan Komersialnya, Ng Lian Bee, berkata penguasaan pasaran semasa INOKOM Truck adalah 11 peratus dengan purata jualan tahunan kira-kira 1,600 unit.

“Kami menjangka permintaan lebih tinggi kenderaan komersial dengan pengenalan model baru,” katanya kepada media selepas menghadiri acara meraikan pengeluaran unit ke 10,000 Lorimas AU26 di Kulim, semalam.

Rancang jual 1,400 unit

Beliau berkata, syarikat itu merancang menjual 1,400 unit

INOKOM Truck tahun ini, daripada 1,000 unit tahun lalu.

Katanya, pihak syarikat akan memperkenalkan lebih banyak model trak Hyundai untuk memenuhi keperluan pelbagai perniagaan.

Syarikat itu merancang untuk memperkenalkan satu model baru tahun ini.

Syarikat itu yang kini menduduki tempat kelima dalam senarai segmen empat roda selepas beberapa jenama Jepun, menyasar untuk menjadi peneraju dalam segmen berkenaan.

“Saya yakin kami akan setaraf dengan jenama Jepun tidak lama lagi kerana kami menawarkan lebih banyak dari segi ciri-ciri premium moden dan teknologi enjin canggih,” katanya.

Ng berkata, syarikat itu merancang untuk menaikkan taraf pusat-pusat servisnya sebagai pusat 3S.

BERNAMA



Ng (kiri) dan Pengarah Urusan INOKOM Corporation Sdn Bhd, Rizal Jailan selepas pelancaran Lorimas AU26 di Kulim, semalam. [FOTO MOHD KAMIL RAHIM/BH]